

MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA KUALITI
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (JKK UPM)
KALI KE-29

Tarikh : 25 Ogos 2016 (Khamis)
 Masa : 9.00 Pagi
 Tempat : Dewan Senat, Tingkat 1, Bangunan Canselor Putra,
 Universiti Putra Malaysia (UPM)
 Kehadiran : **Lampiran A**

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
29.0	<p>Kata Aluan Pengerusi</p> <p>Pengerusi-</p> <p class="list-item-l1">(a) memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan seterusnya merakamkan ucapan terima kasih di atas kehadiran Timbalan Wakil Pengurusan (TWP) ISMS dan EMS, TWP Peneraju Proses dan TWP Pusat Tanggung Jawab (PTJ) serta wakil yang hadir pada Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-29 ini;</p> <p class="list-item-l1">(b) turut merakamkan ucapan tahniah atas kerjasama dan tindakan terbaik Timbalan Wakil Pengurusan (TWP) serta warga Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam menjayakan Audit Pemantauan Semakan 1 SIRIM QMS pada 19 hingga 22 dan 25 hingga 29 Julai 2016.</p> <p class="list-item-l1">(c) memaklumkan terdapat dua (2) program audit yang akan dilaksana dalam masa terdekat, iaitu:</p> <p class="list-item-l2">(i) Audit Pemantauan Semakan 1 SIRIM ISMS pada 31 Ogos 2016 (Hari Pertama) dan 29 hingga 30 September 2016 (Hari Kedua dan Hari Ketiga), dan</p>	<p style="text-align: center;">Makluman</p> <p style="text-align: center;">Makluman</p> <p style="text-align: center;">Makluman</p>

	(ii) Audit Pemantauan Semakan 2 SIRIM EMS pada 10 hingga 12 Oktober 2016.	Makluman
Minit 29.1	<p>Pengesahan Minit Mesyuarat JKK Kali ke-27 dan Minit Mesyuarat JKK Kali ke-28 (Khas)</p> <p>(a) Minit Mesyuarat JKK Kali ke-27 yang telah diadakan pada 28 April 2016 disahkan dengan pindaan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Pembetulan pada Minit 27.2 (vi) iaitu daripada penulisan Minit 26.5 (b) kepada Minit 26.5 (c); dan (ii) Pembetulan pada ejaan nama Puan Morni Yati Ibrahim dalam Senarai Nama Turut Hadir. <p>(b) Minit Mesyuarat JKK Kali ke-28 (Khas) yang telah diadakan pada 14 Julai 2016 disahkan dengan pindaan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Pembetulan pada ejaan nama Puan Morni Yati Ibrahim dalam Senarai Nama Turut Hadir. 	Makluman
Minit 29.2	<p>Perkara-perkara Berbangkit</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum dan meneliti Status Tindakan Susulan Mesyuarat JKK Kali ke-27 dan Status Tindakan Susulan Mesyuarat JKK Kali ke-28 (Khas) seperti mana pada kertas edaran yang telah dibentang. Mesyuarat seterusnya mengambil perhatian terhadap perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Minit 27.2 (i) - mengambil maklum Fakulti Sains Pertanian dan Makanan (FSPM), UPMKB telah melaksanakan aktiviti kitar semula pada 20 Mei 2016 dan hasil dapatan daripada aktiviti kitar semula berkenaan telah dimasukkan ke dalam Akaun Kebajikan Pelajar; (ii) Minit 27.2 (iv) - meminta supaya laporan pelaksanaan Bengkel Pemurnian Semula Piagam Pelanggan SPK MS ISO 9001:2008 yang telah diadakan pada 30 Mei 2016 dibawa dan dibentang dalam Mesyuarat JKK; (iii) Minit 27.2 (v) - mengambil maklum bahawa perbincangan skop EMS bersama Y. Bhg Datin Naib 	Makluman PKPU TWP EMS, Penyelaras EMS &

	<p>Canselor yang diadakan pada 28 Jun 2016 telah bersetuju supaya pensijilan EMS dikekalkan dengan pemfokusan skop yang lebih realistik iaitu Pengurusan Sisa Terjadual bagi Pengajaran dan Pembelajaran di Fakulti. Cadangan pemfokusan skop ini walaubagaimanapun kurang dipersetujui oleh pihak SIRIM dan ekoran daripada itu, satu perbincangan lanjut dengan pihak SIRIM akan diadakan pada 30 Ogos 2016 bagi membincangkan perkara ini;</p> <p>(iv) Minit 27.2 (vi) – mengambil maklum Sistem Stor Berpusat (Bahan Kimia) sedang dalam proses pembangunan di peringkat Pejabat Bursar dan dijangka akan dapat digunakan sepenuhnya oleh PTJ yang terlibat dengan pengendalian bahan kimia mengikut amalan terbaik pada penghujung tahun 2016;</p> <p>(v) Minit 27.2 (viii) – mengambil maklum sehingga 22 Ogos 2016 semua PTJ telah menamakan Penyelaras 5S PTJ masing-masing kecuali Pejabat TNCJIM (termasuk CiRNET) dan Akademi Sukan;</p> <p>(vi) Minit 27.3 (d) – mengambil maklum sehingga 2 Ogos 2016 terdapat sebanyak 15 NCR yang belum ditutup melebihi tempoh. Justeru, mesyuarat meminta supaya TWP PTJ yang berkenaan mengambil tindakan segera berkaitan perkara ini;</p> <p>(vii) Minit 28.1.2 (c) dan (d) – mengambil maklum beberapa isu yang dibangkitkan berkaitan kaedah penutupan NCR dan OFI Audit Dalaman akan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Audit yang dijadualkan pada 4 November 2016. Latihan mengenai tatacara penutupan NCR dan OFI kepada juruaudit dalaman akan dilaksanakan selepas mesyuarat ini dilaksanakan;</p> <p>(viii) Minit 28.3.3 (b) – dalam usaha meningkatkan rasa memiliki (sense of belonging) terhadap Sistem Pengurusan ISO di kalangan warga UPM, mesyuarat bersetuju supaya Pusat Jaminan Kualiti memajukan surat kepada semua PTJ untuk memohon supaya menjadikan agenda ISO sebagai salah satu agenda tetap dalam Mesyuarat Pengurusan peringkat PTJ; dan</p>	<p>Peneraju EMS</p> <p>TWP Pejabat Bursar</p> <p>TWP PTJ yang berkenaan</p> <p>TWP FPAS, TPU, INTROP, FEP, BKU, Pejabat Bursar dan Kolej Kediaman</p> <p>PAD</p> <p>TWP CQA</p>
--	--	---

	<p>(ix) Minit 28.3.4 - menyarankan supaya proses pengemaskinian dokumentasi ISO yang belum pernah dipinda sejak tahun 2011 turut mengambil kira pendekatan Pengurusan Lean dalam usaha menambahbaik proses kerja sedia ada.</p>	PKD, TPKD PP & TPKD PTJ
Minit 29.3	<p>Laporan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2008</p> <p>29.3.1 Laporan Pencapaian Pelan Fungsian dan Aras serta Piagam Pelanggan bagi Tempoh Januari hingga Jun 2016</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum laporan pencapaian Pelan Fungsian dan Aras bagi tempoh Januari hingga Jun 2016 adalah dengan merujuk kepada Laporan Pencapaian Pelan Tindakan Fungsian dan Aras bagi Tempoh Januari hingga Jun 2016 (Agenda 4.1(a)) sebagaimana yang telah dibentang oleh Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti Perkhidmatan, Pusat Jaminan Kualiti;</p> <p>(b) mengambil maklum pencapaian pelan fungsian dan aras mengikut kategori adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Proses Utama – 5 daripada 7 objektif kualiti mencapai sasaran (71.4%); (ii) Proses Sokongan – 2 daripada 6 objektif kualiti mencapai sasaran (33.3%); dan (iii) Operasi Perkhidmatan Sokongan – 20 daripada 35 objektif kualiti mencapai sasaran (57.1%). <p>(c) meminta peneraju yang belum mengemukakan laporan pencapaian pelan fungsian bagi tempoh Januari hingga Jun 2016 supaya mengambil tindakan segera untuk melengkapkan maklumat yang diperlukan;</p> <p>(d) seterusnya mengambil maklum mengenai Pencapaian Piagam Pelanggan Skop Perkhidmatan Utama adalah merujuk kepada Laporan Pencapaian Piagam Pelanggan Skop Perkhidmatan Utama bagi tempoh Januari hingga Jun 2016 (Agenda 4.1(b)) sebagaimana yang telah dibentang oleh Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti; dan</p>	Makluman Makluman TWP Peneraju Proses yang berkenaan Makluman

	<p>(e) meminta Sekolah Pengajian Siswazah mengemaskini maklumat justifikasi bagi piagam pelanggan skop pengajian siswazah yang tidak mencapai sasaran.</p> <p>29.3.2 Laporan Audit Pemantauan Semakan 1 SIRIM QMS Tahun 2016</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum laporan pelaksanaan Audit Pemantauan Semakan 1 SIRIM QMS yang diadakan pada 19 hingga 22 Julai 2016 serta 25 hingga 29 Julai 2016 sebagaimana yang telah dibentang oleh Penyelaras Audit Dalam berdasarkan slaid pembentangan semasa mesyuarat yang merangkumi perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Senarai Juruaudit terlibat; (ii) Senarai 30 PTJ yang terlibat; (iii) Penemuan dua (2) minor laporan ketakakuran (NCR) melibatkan klausa 8.2.4 dan 7.5 serta lapan (8) peluang penambahbaikan (OFI) yang melibatkan klausa 4.2.4, 7.5, 7.5.1, 7.5.4, 7.6, 8.2.3 dan 8.2.4; dan (iv) Graf perbandingan penemuan audit dari tahun 2014 hingga 2016. <p>(b) meminta semua PTJ mengambil perhatian dan tindakan terhadap penemuan OFI No. 1 berkaitan PTJ tidak menghantar maklumat ke Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan untuk tujuan pemantauan.</p> <p>29.3.3 Pelan Tindakan Ketakakuran Audit Pemantauan Semakan 1 SIRIM QMS Tahun 2016</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum Bengkel Pemurnian Hasil Penemuan Audit telah dilaksanakan pada 17 Ogos 2016 melibatkan wakil PTJ yang terlibat dengan penemuan audit dan wakil Pasukan Juruaudit Universiti.</p> <p>(b) Mesyuarat turut mengambil maklum tarikh penting dalam proses penutupan NCR Audit Pemantauan Semakan 1 SIRIM QMS tahun 2016 adalah seperti berikut:</p>	<p>TWP SPS</p> <p>Makluman</p> <p>Semua TWP PTJ</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
--	---	--

		<table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil</th><th>Tarikh</th><th>Perkara</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td><td>28/08/2016</td><td>Tarikh akhir penghantaran maklumat pelan tindakan penemuan audit</td></tr> <tr> <td>2.</td><td>28/10/2016</td><td>Tarikh akhir penghantaran bukti pelaksanaan pelan tindakan</td></tr> <tr> <td>3.</td><td>Awal November 2016</td><td>Pengesahan penutupan audit oleh pihak SIRIM</td></tr> </tbody> </table>	Bil	Tarikh	Perkara	1.	28/08/2016	Tarikh akhir penghantaran maklumat pelan tindakan penemuan audit	2.	28/10/2016	Tarikh akhir penghantaran bukti pelaksanaan pelan tindakan	3.	Awal November 2016	Pengesahan penutupan audit oleh pihak SIRIM	
Bil	Tarikh	Perkara													
1.	28/08/2016	Tarikh akhir penghantaran maklumat pelan tindakan penemuan audit													
2.	28/10/2016	Tarikh akhir penghantaran bukti pelaksanaan pelan tindakan													
3.	Awal November 2016	Pengesahan penutupan audit oleh pihak SIRIM													
29.3.4	Status Keberkesanan Tindakan Pembetulan dan Tindakan Pencegahan	Mesyuarat mengambil maklum laporan keberkesanan tindakan pembetulan dan tindakan pencegahan bagi tempoh 1 April 2015 hingga 24 Ogos 2016 adalah merujuk kepada Laporan Status Keberkesanan Tindakan Pembetulan dan Tindakan Pencegahan (Agenda 4.4) sebagaimana yang telah dibentang oleh Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti Perkhidmatan, Pusat Jaminan Kualiti.	Makluman												
29.3.5	Dokumentasi QMS	Mesyuarat:													
	(a) mengambil maklum dan meneliti cadangan pindaan pada Borang Cadangan Pindaan/Tambahan Dokumen (PGR/BR01/CPD) seperti mana huraian di Laporan Cadangan Pindaan Dokumen ISO Universiti Putra Malaysia (Agenda 4.5) yang telah dibentang oleh Pegawai Kawalan Dokumen;	Makluman													
	(b) dimaklumkan perubahan ini mengambilira cadangan penambahbaikan hasil penemuan Audit Dalaman Tahun 2016 yang melibatkan aspek kawalan dokumen;	Makluman													
	(c) bersetuju meluluskan cadangan pindaan pada Borang Cadangan Pindaan/Tambahan Dokumen (PGR/BR01/CPD) untuk dikuatkuasakan pada 29 Ogos 2016;	PKD													
	(d) mengambil maklum sehingga 24 Ogos 2016 bilangan dokumen terkawal QMS yang digunakan adalah sebanyak 1501 dokumen; dan	Makluman													

	<p>(e) turut mengambil maklum halatuju dokumentasi ISO seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Dokumentasi ISO dalam dwibahasa (Fasa 1: Skop Pengajaran dan Pembelajaran & Penyelidikan dan Inovasi) dengan penumpuan kepada dokumen yang digunakan oleh staf atau pelajar antarabangsa; (ii) Pewujudan Senarai Daftar Dokumen Sokongan Mengikut Prosedur sebagai salah satu kaedah kawalan semakan silang ke atas dokumentasi ISO dengan fasa pertama pelaksanaan adalah bagi skop pengurusan (PGR); dan (iii) Perjumpaan secara berkala antara PKD dengan TPKD PP dan TPKD PTJ bagi membincangkan berkaitan penambahanbaikan dalam dokumentasi ISO. 	Makluman
Minit 29.4	<p>Laporan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013</p> <p>29.4.1 Laporan Pencapaian Objektif ISMS bagi Tempoh Januari hingga Jun 2016</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Mesyuarat mengambil maklum laporan pencapaian objektif ISMS bagi tempoh Januari hingga Jun 2016 adalah merujuk kepada Laporan Pencapaian Objektif ISMS bagi Tempoh Januari hingga Jun 2016 (Agenda 5.1) sebagaimana yang telah dibentang semasa mesyuarat; dan (b) Mesyuarat mengambil maklum dua objektif keselamatan maklumat telah mencapai sasaran manakala tiga objektif berikut hanya dapat diukur dan dilaksanakan pada sesi kemasukan 2016/2017 yang dijadualkan pada 31 Ogos 2016, iaitu: <ul style="list-style-type: none"> (i) Memastikan sokongan ICT (rangkaian, sistem aplikasi dan pangkalan data) terhadap proses pendaftaran pelajar baharu bebas dari gangguan setiap semester; (ii) Memastikan pelajar yang mendaftar adalah pelajar yang mendapat tawaran; dan (iii) Memastikan borang permohonan kad pelajar yang diterima diisi dengan lengkap. 	<p>Makluman</p> <p>TWP ISMS, TWP HEPA, TWP Kolej dan TWP BKU</p>

	29.4.2 Laporan Tindakan Terhadap Penemuan Audit SIRIM ISMS Tahun 2015	Mesyuarat mengambil maklum sehingga 23 Ogos 2016, kesemua satu NCR dan 10 OFI telah diambil tindakan. Keberkesanan tindakan terhadap NCR dan OFI berkenaan akan disemak oleh pihak SIRIM pada sesi audit akan datang.	Makluman
	29.4.3 Laporan Penemuan Audit Dalaman ISMS Tahun 2016	Mesyuarat dimaklumkan sehingga 23 Ogos 2016 sebanyak 86% (12/14) laporan ketakakuran (NCR) Audit Dalaman ISMS tahun 2016 telah ditutup manakala baki dua NCR lagi masih belum mencapai tempoh pusingan yang ditetapkan. Perincian maklumat penemuan Audit Dalaman ISMS tahun 2016 boleh dirujuk pada Portal e-ISO UPM.	Makluman
	29.4.4 Persediaan Audit SIRIM ISMS Tahun 2016	(a) Mesyuarat mengambil maklum Audit Pemantauan Semakan 1 SIRIM ISMS telah dijadualkan pada 31 Ogos 2016 (Hari Pertama) dan 29 hingga 30 September 2016 (Hari Kedua dan Ketiga). Pengauditan hari pertama melibatkan pemerhatian dan pengesahan proses pendaftaran pelajar di zon pendaftaran 1, 3 dan 5. Mesyuarat turut mengambil maklum pemakluman rasmi bagi audit hari kedua dan ketiga akan dibuat selewat-lewatnya pada 29 Ogos 2016 oleh Pusat Jaminan Kualiti; dan (b) Mesyuarat dimaklumkan pada 26 Ogos 2016 akan diadakan Taklimat Persediaan Audit SIRIM ISMS kepada semua peneraju proses yang terlibat semasa proses pendaftaran pelajar baharu prasiswazah bagi sesi kemasukan 2016/2017.	PAD Makluman
	29.4.5 Dokumentasi ISMS	Mesyuarat: (a) mengambil maklum dan meneliti cadangan pindaan pada Manual Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (UPM/ISMS/PGR/MP) seperti mana huraian di Laporan Cadangan Pindaan Dokumen ISO Universiti Putra Malaysia (Agenda 5.5) yang	Makluman

	<p>telah dibentang oleh Pegawai Kawalan Dokumen. Pindaan ini mengambilkira perubahan yang berlaku dalam proses lapor diri pelajar baharu prasiswazah bagi sesi kemasukan 2016/2017;</p> <p>(b) bersetuju meluluskan cadangan pindaan Manual Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (UPM/ISMS/PGR/MP) untuk dikuatkuasakan pada 29 Ogos 2016; dan</p> <p>(c) mengambil maklum sehingga 24 Ogos 2016, bilangan dokumen terkawal ISMS yang digunakan adalah sebanyak 53 dokumen.</p>	<p>PKD</p> <p>Makluman</p>								
Minit 29.5	<p>Laporan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) ISO 14001:2004</p> <p>29.5.1 Aspek Impak Alam Sekitar</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum semakan dan penilaian aspek impak alam sekitar UPM dibuat bagi menghasilkan objektif EMS yang terkini dan relevan. Butiran mengenai aspek impak yang digunakan di UPM bagi skop pensijilan sediaada (Penyediaan Perkhidmatan Pengajaran dan Pembelajaran) adalah seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Proses Utama</th><th>Sub Proses</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pengurusan Pejabat</td><td>Pentadbiran, pencucian dan penyelenggaraan</td></tr> <tr> <td>Pengajaran dan Pembelajaran (Pengurusan Kuliah)</td><td> <ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan dewan kuliah • Penyelenggaraan bilik kuliah • Pengurusan dapur • Pengurusan makmal perkembangan kanak-kanak • Penyelenggaraan kompleks renang </td></tr> <tr> <td>Pengajaran dan Pembelajaran (Pengurusan Makmal)</td><td> <ul style="list-style-type: none"> • Persediaan, penggunaan dan penyimpanan radas dan alatan • Persediaan sampel • Penggunaan bahan kimia • Pengujian/analisis (high-end equipment) • Penyelenggaraan/Verifikasi Aset/Jentera • Pembersihan makmal, pengumpulan dan pembuangan sisa </td></tr> </tbody> </table>	Proses Utama	Sub Proses	Pengurusan Pejabat	Pentadbiran, pencucian dan penyelenggaraan	Pengajaran dan Pembelajaran (Pengurusan Kuliah)	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan dewan kuliah • Penyelenggaraan bilik kuliah • Pengurusan dapur • Pengurusan makmal perkembangan kanak-kanak • Penyelenggaraan kompleks renang 	Pengajaran dan Pembelajaran (Pengurusan Makmal)	<ul style="list-style-type: none"> • Persediaan, penggunaan dan penyimpanan radas dan alatan • Persediaan sampel • Penggunaan bahan kimia • Pengujian/analisis (high-end equipment) • Penyelenggaraan/Verifikasi Aset/Jentera • Pembersihan makmal, pengumpulan dan pembuangan sisa 	Makluman
Proses Utama	Sub Proses									
Pengurusan Pejabat	Pentadbiran, pencucian dan penyelenggaraan									
Pengajaran dan Pembelajaran (Pengurusan Kuliah)	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan dewan kuliah • Penyelenggaraan bilik kuliah • Pengurusan dapur • Pengurusan makmal perkembangan kanak-kanak • Penyelenggaraan kompleks renang 									
Pengajaran dan Pembelajaran (Pengurusan Makmal)	<ul style="list-style-type: none"> • Persediaan, penggunaan dan penyimpanan radas dan alatan • Persediaan sampel • Penggunaan bahan kimia • Pengujian/analisis (high-end equipment) • Penyelenggaraan/Verifikasi Aset/Jentera • Pembersihan makmal, pengumpulan dan pembuangan sisa 									

		<table border="1"> <tr> <td>Makmal Lapangan</td><td> <ul style="list-style-type: none"> • Persediaan ladang • Penyelenggaraan tanaman • Ternakan haiwan • Menuai dan jualan hasil • Amali lapangan/amali sukan </td><td></td></tr> </table>	Makmal Lapangan	<ul style="list-style-type: none"> • Persediaan ladang • Penyelenggaraan tanaman • Ternakan haiwan • Menuai dan jualan hasil • Amali lapangan/amali sukan 	
Makmal Lapangan	<ul style="list-style-type: none"> • Persediaan ladang • Penyelenggaraan tanaman • Ternakan haiwan • Menuai dan jualan hasil • Amali lapangan/amali sukan 				
	Pengurusan pelajar	Perkhidmatan pelajar			
	Bangunan	Penyelenggaraan			
29.5.2 Laporan Pencapaian Objektif EMS bagi Tempoh Januari hingga Jun 2016			Makluman		
<p>Mesyuarat mengambil maklum laporan pencapaian objektif EMS bagi tempoh Januari hingga Jun 2016 adalah merujuk kepada slaid pembentangan pencapaian objektif kualiti EMS yang dibentangkan semasa mesyuarat. Daripada sembilan objektif EMS, lima daripadanya telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Mesyuarat turut mengambil maklum terdapat beberapa kekangan dalam proses pengukuran dan pemantauan objektif alam sekitar seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) UPM belum mematuhi perundangan berkaitan sepenuhnya; dan (ii) Pemantauan dan pengukuran udara belum dapat dilaksanakan sepenuhnya. 					
29.5.3 Laporan Tindakan Terhadap Penemuan Audit SIRIM EMS Tahun 2015			Makluman		
<p>Mesyuarat mengambil maklum sehingga 2 Ogos 2016, sebanyak satu NCR dan enam OFI telah diambil tindakan manakala baki dua OFI lagi dalam proses tindakan mengambilkira keputusan berkaitan pelaksanaan EMS terkini. Keberkesanan tindakan NCR dan OFI berkenaan akan disemak oleh pihak SIRIM pada sesi audit akan datang.</p>					
29.5.4 Laporan Penemuan Audit Dalaman EMS Tahun 2016			Makluman		
<p>Mesyuarat dimaklumkan sehingga 23 Ogos 2016 sebanyak 47% (21/44) laporan ketakakuran (NCR) Audit Dalaman EMS tahun 2016 telah ditutup manakala baki 23 NCR lagi iaitu masing-masing tujuh NCR belum ditutup melebihi tempoh dan 16 NCR masih belum mencapai tempoh pusingan. Perincian mengenai penemuan Audit</p>					

	<p>Dalaman EMS 2016 boleh dirujuk pada Portal e-ISO UPM.</p> <p>29.5.5 Persediaan Audit SIRIM EMS Tahun 2016</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum Audit Pemantauan Semakan 2 SIRIM EMS telah dijadualkan semula pada 10 hingga 12 Oktober 2016 bagi memberi ruang tindakan persediaan dengan skop baharu yang dicadangkan oleh pihak UPM kepada pihak SIRIM.</p> <p>29.5.6 Dokumentasi EMS</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum sehingga 24 Ogos 2016 bilangan dokumen terkawal EMS yang digunakan adalah sebanyak 28 dokumen termasuk enam prosedur yang digunakan secara bersama dengan QMS ISO 9001:2008.</p>											
Minit 29.6	<p>Hal-hal Lain</p> <p>29.6.1 Penyertaan PTJ dalam Anugerah Sempena Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) Tahun 2016</p> <p>(a) Mesyuarat meminta semua PTJ mengambil perhatian dan tindakan terhadap tarikh akhir penyertaan/penilaian anugerah sempena HKIP 2016 seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Anugerah</th><th>Tarikh akhir penyertaan/Penilaian</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Anugerah Amalan 5S</td><td>Tarikh akhir penyertaan pada 1 September 2016</td></tr> <tr> <td>Anugerah Inovasi Perkhidmatan</td><td>Tarikh akhir penyertaan pada 5 September 2016</td></tr> <tr> <td>Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif</td><td>Penilaian akhir pada 30 September 2016</td></tr> <tr> <td>Anugerah Leanova</td><td>Penilaian akhir pada 21 September 2016</td></tr> </tbody> </table>	Anugerah	Tarikh akhir penyertaan/Penilaian	Anugerah Amalan 5S	Tarikh akhir penyertaan pada 1 September 2016	Anugerah Inovasi Perkhidmatan	Tarikh akhir penyertaan pada 5 September 2016	Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif	Penilaian akhir pada 30 September 2016	Anugerah Leanova	Penilaian akhir pada 21 September 2016	Makluman
Anugerah	Tarikh akhir penyertaan/Penilaian											
Anugerah Amalan 5S	Tarikh akhir penyertaan pada 1 September 2016											
Anugerah Inovasi Perkhidmatan	Tarikh akhir penyertaan pada 5 September 2016											
Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif	Penilaian akhir pada 30 September 2016											
Anugerah Leanova	Penilaian akhir pada 21 September 2016											

	<p>29.6.2 Paparan Kriteria Penilaian Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran</p> <p>Mesyuarat meminta supaya kriteria Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran Tahun 2016 di muatnaik dalam Portal e-ISO untuk rujukan semua PTJ.</p> <p>29.6.3 Keperluan ID dan PW SMP Sementara bagi Petugas yang akan Membantu Semasa Proses Pendaftaran Pelajar Baharu</p> <p>Mesyuarat mengingatkan semua peneraju yang terlibat dengan Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Sesi Kemasukan 2016/2017 supaya membawa bersama butiran staf/pelajar yang akan membantu semasa hari pendaftaran pelajar baharu prasiswazah ke sesi Taklimat Persediaan Audit SIRIM ISMS yang akan diadakan pada 26 Ogos 2016 bagi tujuan janaan ID dan PW SMP secara sementara.</p>	TWP CQA
	<p>Peneraju Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (ISMS)</p>	
Minit 29.7	<p>Penangguhan Mesyuarat</p> <p>Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua ahli mesyuarat yang hadir ke mesyuarat kali ini.</p> <p>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.50 tengahari dengan bacaan Tasbih Kaffarah dan Surah Al-Asr.</p>	Makluman

SENARAI KEHADIRAN

Tarikh : 25 Ogos 2016 (Khamis)
 Masa : 9.00 pagi
 Tempat : Dewan Senat, Tingkat 1, Bangunan Canselor Putra
 Universiti Putra Malaysia

Kehadiran

BIL.	NAMA	JAWATAN/PTJ
1.	Prof . Dr. M. Iqbal bin Saripan	Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti / Pengerusi Mesyuarat
2.	Dr. Mohamad Amran bin Mohd. Salleh	TWP EMS/ Fakulti Kejuruteraan
3.	Encik Mohd. Faizal bin Daud	TWP ISMS/ Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi
4.	Encik Mohd. Nazri bin Md. Yasin	TWP (PP) Pejabat Naib Canselor
5.	Puan Nor Adida binti Ab Khalid	TWP (PP) Pej. TNC (Jaringan Industri dan Masyarakat)
6.	Encik Amiruddin bin Abd Aziz	TWP(PP) Sekolah Pengajian Siswazah
7.	Puan Siti Rozana binti Supian	TWP (PP) Pejabat Pendaftar
8.	Encik Muzaffar Shah bin Kassim	TWP (PP) Perpustakaan Sultan Abdul Samad
9.	Tuan Haji Mohd. Nizan bin Jaafar	TWP (PP) Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset
10.	Encik Roslan bin Parjo	TWP(PTJ) Pusat Kesihatan Universiti
11.	Encik Wan Mohd. Radzi bin Wan Ismail	TWP (PP) Pusat Islam
12.	Dr. Haji Latif bin Anwar	TWP (PP) Bahagian Keselamatan
13.	Tuan Haji Mokhtar bin Dahari	TWP (PP) Kolej Kediaman
14.	Tuan Haji Abdul Ghafar bin Othman	TWP (PP) Taman Pertanian Universiti
15.	Puan Noorizajune binti Abu Bakar	TWP (PTJ) Fakulti Pertanian
16.	Encik Mustafa bin Che Ali	TWP (PTJ) Fakulti Perhutanan
17.	Encik Mustaffa bin Hj. Dollah	TWP(PTJ) Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
18.	Puan Noraihan binti Noordin	Wakil TWP (PTJ) Fakulti Kejuruteraan
19.	Puan Shaerin Azlin binti Ab. Rahman	TWP (PTJ) Fakulti Pengajian Pendidikan
20.	Puan Fairuz Bawaze'er binti Muchtar	TWP (PTJ) Fakulti Sains
21.	Puan Zainaf binti Udin	TWP (PTJ) Fakulti Sains dan Teknologi Makanan

BIL.	NAMA	JAWATAN/PTJ
22.	Encik Mohd Nazri bin Noh	TWP (PTJ) Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
23.	Tuan Haji Ab. Malek bin Simon	TWP (PTJ) Fakulti Rekabentuk dan Senibina
24.	Tuan Haji Mohd. Aris Fadzillah bin Abdullah	TWP (PTJ) Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
25.	Encik Mohammad Azlan bin Ali Basah	TWP (PTJ) Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
26.	Tuan Haji Mhd. Hussin bin Abdul Rahim	TWP (PTJ) Fakulti Pengajian Alam Sekitar
27.	Encik Sudirman bin Asmadi (secara v.c.)	TWP (PTJ) Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, UPMKB
28.	Tuan Haji Jamsari bin Tamsir	TWP (PTJ) Institut Biosains
29.	Puan Wan Rohani binti Wan Mohamed	TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Matematik
30.	Encik Zamre bin Yaacob	TWP (PTJ) Institut Pengajian Sains Sosial
31.	Puan Sarah Salわah binti Adnan	TWP (PTJ) Institut Pertanian Tropika
32.	Puan Saliza binti Mustafa	TWP (PTJ) Pusat Antarabangsa
33.	Puan Shamrizza binti Shari	Pegawai Kawalan Dokumen (PKD)
34.	Puan Rozi binti Tamin	Penyelaras Audit (PAD)
35.	Encik Muhamazam bin Mansor	Penyelaras Latihan Staf (PLS)
36.	Encik Fahmi Azar bin Mistar	Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU)
37.	Tuan Haji Mat Razi bin Abdullah	Pusat Jaminan Kualiti
38.	Puan Rus Azizi binti Ismail	Peneraju EMS, Pejabat Bursar
39.	Puan Noorizai binti Mohamad Noor	Setiausaha/Pusat Jaminan Kualiti

Turut Hadir

BIL.	NAMA	JAWATAN/PTJ
1.	Puan Lailawati binti Bakar	Wakil TWP (PP) Pej. TNC (Akademik dan Antarabangsa)
2.	Puan Nabihah binti Abdol Razak	Wakil TWP (PP) Pej. TNC (Akademik dan Antarabangsa)
3.	Puan Joliah binti Hussin	Wakil TWP(PP) Pej. TNC (Penyelidikan dan Inovasi)
4.	Encik Abdul Ghani bin Yon	Wakil TWP (PP) Pej. TNC (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
5.	Puan Che Zailawati binti Abdul Ghani	Wakil TWP (PTJ) Pusat Asasi Sains Pertanian
6.	Puan Ana Azrin binti Ahmad	Wakil TWP (PP) Pejabat Bursar

BIL.	NAMA	JAWATAN/PTJ
7.	Puan Noruniza binti Mahmud	Wakil TWP (PP) Pejabat Bursar
8.	Puan Erne Zaireen binti Hashim	Wakil TWP (PP) Pusat Pembangunan Akademik
9.	Encik Syemsul bin Bahrim	Wakil TWP (PP) Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi
10.	Encik Mohd Khairul bin Zainal Abidin	Wakil TWP (PP) Pusat Kebudayaan dan Kesenian SSAAS
11.	Cik Maryam binti Othman	Wakil TWP(PP) Pej. Penasihat Undang-Undang
12.	Encik Nur Anwar Hilmi bin Mohd Abdul Malek	Wakil TWP (PP) Penerbit
13.	Puan Hirfarizan Mardianah binti Mohd Tahir	Wakil TWP (PTJ) Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul
14.	Puan Nor Afida binti Miskam	Wakil Peneraju EMS Pejabat. Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
15.	Puan Siti Razimah binti Mohd Noor	Perpustakaan Sultan Abdul Samad
16.	Puan Morni Yati binti Ibrahim	Perpustakaan Sultan Abdul Samad
17.	Puan Siti Fatimah binti Hasim	Pusat Jaminan Kualiti

Tidak Hadir (dengan kenyataan)

BIL.	NAMA	JAWATAN
1.	Tuan Haji Rosdi bin Wah	TWP (PP) Pej. TNC (Akademik dan Antarabangsa)
2.	Encik Shahriman bin Hashim	TWP(PP) Pej. TNC (Penyelidikan dan Inovasi)
3.	Tuan Haji Hashim bin Md. Shari	TWP (PP) Pej. TNC (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
4.	Tuan Haji Suhaifi bin Sulaiman	TWP (PTJ) Pusat Asasi Sains Pertanian
5.	Puan Rohani binti Abdul Latif	TWP (PP) Pejabat Bendahari
6.	Encik Ahmad Nizam bin Abdullah	TWP (PP) Pusat Pembangunan Akademik
7.	Encik Rosmi bin Othman	TWP (PP) Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi
8.	Encik Mohd Zamanu Al-Mohtadi bin Ekhwan	TWP (PP) Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset
9.	Tuan Haji Anuar bin Haji Ahmad	TWP (PP) Pusat Kebudayaan dan Kesenian SSAAS
10.	Encik Julbakar bin Tajudin	TWP (PP) Fakulti Perubatan Veterinar
11.	Encik Abd. Razak bin Ahmad	TWP (PP) Penerbit
12.	Encik Muhamad Adil bin Ahmad Tajuddin	TWP (PP) Pejabat Penasihat Undang-Undang
13.	Encik Saiful Bahrie bin Abdul Manap	TWP (PTJ) Fakulti Ekologi Manusia

BIL.	NAMA	JAWATAN
14.	Tuan Haji Amran bin Zakaria	TWP (PTJ) Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul
15.	Encik Din bin Ayub	TWP (PTJ) Institut Teknologi Maju
16.	Encik Mohd Nazri bin Mohd Nor	TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia
17.	Puan Wan Nahariah binti Wan Tahir	TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Produk Halal
18.	Puan Nor Baizura binti Zamri	TWP (PTJ) Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan
19.	Cik Aidawati binti Ramali	TWP (PTJ) Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan
20.	Puan Salmee Suhana binti Hashim	TWP (PTJ) Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa
21.	Dr. Mohd Rafee bin Baharudin	Peneraju EMS, Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan